



PENILAIAN OUTCOME **PROJEK KLUSTER** **TANAMAN RAMBUTAN** **DAERAH BALING**

KANDUNGAN

1 TUJUAN PENILAIAN

2 LATAR BELAKANG

3 PERUNTUKAN & PERBELANJAAN

4 TERMA RUJUKAN

5 PROFIL RESPONDEN

6 PEMBENTUKAN INDIKATOR PENCAPAIAN

7 ANALISIS PENILAIAN

8 PEMERHATIAN DAN KEPUTUSAN

9 ISU MASALAH & SYOR/CADANGAN

10 RUMUSAN

11 GAMBAR-GAMBAR PROJEK/PENILAIAN



1. TUJUAN PENILAIAN

- Menilai sama ada dasar atau objektif projek telah dicapai.
- Mendapat keputusan dalam menyediakan cadangan untuk penambahbaikan projek.



2. LATAR BELAKANG

PROJEK KLUSTER TANAMAN RAMBUTAN DELI, BALING



Permulaan Projek :


- Merupakan kebun individu yang diusahakan kira-kira 15-20 tahun.
- Kemudian diberi bantuan oleh Jabatan Pertanian dibawah Pakej Amalan Teknologi Buah-Buahan.
- Pada tahun 2011 dijadikan projek kluster Jabatan Pertanian

Bil. Peserta Terkini :

60 orang

Keluasan fizikal :

53 hektar





BISNES MODEL : RANTAIAN NILAI PAKEJ AMALAN TEKNOLOGI RAMBUTAN



PENGELUARAN

PROJEK SOKONGAN:

1. Latihan Petani yang berterusan
2. Khidmat Kepakaran Teknikal
3. Pengawalan Perosak Tanaman Pertanian
4. Pembangunan Teknologi Hijau
5. Pemprosesan (Industri Asas Tani)



PASCA TUAI

1. Indeks kematangan
2. Pembersihan & rawatan
3. Penggredan, Pembungkusan & Perlabelan (3P)

PEMROSESAN



PEMASARAN

PASARAN SEGAR TEMPATAN



PEMROSESAN KILANG KEDAH AGRO SG PETANI

EKSPORT KE USA

1. Rawatan Kuarantin

3. PERUNTUKAN & PERBELANJAAN

TAHUN	PERUNTUKAN	BELANJA
2011	RM 100,000	RM 99,985
2012	RM 63,700	RM 63,687
<i>JUMLAH</i>	RM 163,700	RM 163,672

- Bagi tahun 2011 & 2012 peruntukan yang telah dibelanjakan bagi projek Pakej Amalan Teknologi Tanaman Buah-Buahan adalah sebanyak RM 163,672.



4. TERMA RUJUKAN

A. SKOP PENILAIAN

- i. Penilaian ini melibatkan pengusaha tanaman Rambutan Deli di Daerah Baling yang mendapat khidmat pengembangan dan mendaftar di bawah Jabatan Pertanian sahaja.



4. TERMA RUJUKAN (sambungan)

B. METODOLOGI PENILAIAN

i. Data primer

- Diperolehi melalui temubual dan tinjauan ke ladang pengusaha Projek Rambutan Deli Baling 10 buah kampung di daerah Baling.

1	Kg. Gabus	6	Kg. Bukit Legong
2	Kg. Bandar	7	Kg. Surau
3	Kg. Batu 8	8	Kg. Tg. Pari
4	Kg. Bencah Sawa	9	Kg. Bukit Sebelah
5	Kg. Weng	10	Kg. Bukit Ubi

- Penilaian telah dijalankan pada bulan Mei 2013.

4. TERMA RUJUKAN (sambungan)

ii. Data sekunder

- Laporan kemajuan prestasi Projek Rambutan Deli Baling dari AgriS Geoportal Jabatan Pertanian.
- Laporan Terperinci Peruntukan Pembangunan Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia.

-Data AGRIS, khamis 23 Mei 2013

-Termasuk 5 orang peserta yang baru mendaftar

iii. Responden


- Melibatkan seramai 42 orang (70%) peserta daripada jumlah keseluruhan 60 orang pengusaha projek tanaman rambutan Deli Baling pada tahun 2012.

iv. Analisis data

- Menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science* ver.18 (SPSS) menggunakan kaedah statistik perihalan dengan tumpuan diberikan kepada penggunaan frekuensi asas dan frekuensi bersilang.

5. PROFIL RESPONDEN



JULAT UMUR PENGUSAHA



- Purata umur pengusaha yang telah ditemubual ialah 57 tahun dengan pengusaha termuda berusia 25 tahun dan paling berusia berumur 82 tahun.
- Kumpulan julat umur 61-70 tahun pula merupakan kumpulan majoriti manakala golongan belia (40 tahun & kebawah) serta kumpulan umur melebihi 70 tahun merupakan kumpulan terendah (12%)

5. PROFIL RESPONDEN (SAMB)

KATEGORI & TEMPOH PERUSAHAAN




- ❑ Daripada jumlah keseluruhan pengusaha yang ditemubual, hanya 35% menjalankan projek secara sepenuh masa manakala bakinya 65% menjadikan projek ini sebagai pendapatan sampingan dengan pekerjaan utama mereka samada sebagai penoreh getah, peniaga barang runcit dan kontraktor kecil.
- ❑ Bagi tempoh perusahaan pula didapati 97% pengusaha telah mengusahakan projek sekurang-kurangnya 3 tahun atau lebih manakala hanya 3% sahaja mengusahakan projek kurang dari 3 tahun.

6. PEMBENTUKAN INDIKATOR PENCAPAIAN

KEMENTERIAN / AGENSI		JABATAN PERTANIAN MALAYSIA			
KRA		PENINGKATAN SUMBANGAN SUB SEKTOR AGRO-MAKANAN KEPADA KDNK			
PROGRAM / PROJEK		PAKEJ AMALAN TEKNOLOGI BUAH-BUAHAN			
KPI		1. 50% PENINGKATAN PRODUKTIVITI SETAHUN 2. 70% PENGUSAHA MENGAMALKAN TEKNOLOGI YANG DISYORKAN/APB 3. X% PENINGKATAN PENDAPATAN PESERTA			
OBJEKTIF		INDIKATOR PENCAPAIAN			
		OUTPUT		OUTCOME	
		SASARAN	SEBENAR	SASARAN	SEBENAR
1.	Memindahkan teknologi Amalan Pertanian Baik kepada pengusaha buah-buahan	Jumlah pengeluaran: 132 Mt/Tahun Bilangan lawatan pengembangan yang diterima oleh 1petani/bulan :2kali Peratus pengusaha yang menerima khidmat pengembangan: 70% peserta/tahun Bilangan petani yang berpendapatan >RM1000/bulan: 2 orang	Jumlah pengeluaran: 163 Mt/Tahun Bilangan lawatan pengembangan yang diterima oleh 1petani/bulan : 68% petani menerima lawatan mengikut sasaran (2 kali/bulan) Peratus pengusaha yang menerima khidmat pengembangan: 63% peserta/tahun Bilangan petani yang berpendapatan >RM1000/bulan: TIADA	50% peningkatan produktiviti 70% pengusaha mengamalkan teknologi yang disyorkan/APB Peningkatan purata pendapatan peserta: Tiada sasaran	Peningkatan produktiviti: Turun 4% Pengusaha mengamalkan teknologi yang disyorkan/APB: 55% Peningkatan purata pendapatan peserta: 21%

7. ANALISIS PENILAIAN

OUTPUT 1 (JUMLAH PENGELUARAN) JUMLAH SASARAN DAN PENCAPAIAN BAGI PENGELUARAN KESELURUHAN (KG)




- Pada tahun 2011, pengeluaran bagi Rambutan Deli ini melebihi sasaran sebanyak 90% dan pencapaian pada tahun 2012 adalah kurang 416 kg daripada sasaran yang diletakkan.
- Dengan nilai pelaburan sebanyak RM 163 ribu, telah menghasilkan 163 metrik tan pengeluaran yang bernilai RM 159 juta.
- Ini bermakna setiap RM 1 yang dilaburkan kerajaan memberi pulangan sebanyak 1kg/RM0.97 nilai hasil

7. ANALISIS PENILAIAN OUTPUT 2 LAWATAN PENGEMBANGAN

Berdasarkan temubual
bersama pengusaha
didapati

Bahawa peratus lawatan
oleh agen pengembangan ke
projek ini yang telah
mencapai sasaran
(sekurang-kurangnya 2
kali/bulan) adalah sebanyak


68%



7. ANALISIS PENILAIAN

OUTPUT 3

(PENGUSAHA YANG MENERIMA KHIDMAT PENGEMBANGAN)



Daripada 5 kriteria yang diukur untuk menunjukkan pengusaha menerima khidmat pengembangan, hanya 2 kriteria sahaja yang memperolehi peratusan melebihi 70%
(Secara purata 63%)

7. ANALISIS PENILAIAN

OUTPUT 4

(PENDAPATAN MELEBIHI RM 1,000)

TAHUN	SASARAN	SEBENAR
2011	TIADA	TIADA
2012	2 peserta	TIADA


- ❑ Pada tahun 2011, pendapatan bagi pengusaha belum direkodkan kerana kebun pada fasa pemulihan.
- ❑ Berdasarkan penilaian yang telah dijalankan mendapati bahawa belum ada pengusaha yang mampu memperolehi sasaran pendapatan melebihi RM 1,000 / bulan.
- ❑ Pada tahun 2012 pendapatan purata pendapatan pengusaha adalah sebanyak RM 146 dengan pendapatan maksimum pengusaha adalah RM 544.

7. ANALISIS PENILAIAN

OUTCOME 1: (PRODUKTIVITI TANAMAN)

Didapati bahawa terdapat penurunan produktiviti sebanyak 4% pada tahun 2012 berbanding tahun 2011.


Pencapaian pada tahun 2012 ini hanya mencapai 43% sahaja daripada purata pencapaian potensi hasil tanaman rambutan Deli di daerah Baling (9,000kg/ha).



* Produktiviti :
$$\frac{\text{Pengeluaran}}{\text{Luas Berhasil}}$$

7. ANALISIS PENILAIAN OUTCOME 2

(PENGUSAHA MENGAMALKAN TEKNOLOGI YANG DISYORKAN/APB)




Kebanyakan petani yang tidak mengamalkan GAP adalah kerana terdapat sesetengah kriteria GAP dirasakan sukar untuk diamalkan di kebun mereka dan antara alasan lain adalah tidak mempunyai masa untuk melaksanakan perkara yang dituntut didalam pengamalan GAP.

Berdasarkan 8 kriteria utama didalam Amalan Pertanian Baik yang dilakukan penilaian, didapati bahawa pengusaha masih belum mencapai sasaran sekurang-kurangnya 70% mengamalkan amalan pertanian baik ini.

7. ANALISIS PENILAIAN OUTCOME 3

(PENINGKATAN PENDAPATAN)



Terdapat peningkatan bagi pendapatan bersih pengusaha pada tahun 2012 dengan nilai peningkatan sebanyak 21% berbanding tahun 2011 dan ini berlaku disebabkan pada tahun 2012, penetapan harga bagi sesetengah kampung telah dikawal dan ditetapkan oleh pengusaha sendiri

8. PEMERHATIAN DAN KEPUTUSAN

- ✓ Projek ini telah berjaya mencapai 2 sasaran yang ditetapkan daripada 4 output yang telah dinilai iaitu bagi pengeluaran hasil dan bilangan lawatan pengembangan kepada petani.
- ✓ Jika dilihat kepada outcomes projek, projek kluster ini masih belum dapat mencapai sasaran outcomes yang telah ditetapkan.
- ✓ Beberapa faktor telah dikenalpasti bagi kegagalan ini diantaranya adalah faktor usia petani yang telah berumur, dusun masih didalam proses pemulihan dan komitmen yang kurang daripada pengusaha kerana majoriti mereka mengusahakan projek secara separuh masa.
- ✓ Selain itu, bisnes model yang diperkenalkan masih belum dapat diterapkan sepenuhnya di dalam projek kluster ini.

9. ISU/MASALAH & SYOR CADANGAN

Isu/Masalah	Implikasi	Syor/Cadangan
i. KURANG KOMITMEN DARI PENGUSAHA	Projek yang diusahakan tidak mencapai sasaran dengan optimum	Pemilihan peserta pada peringkat awal perlu lebih diteliti dan bimbingan berterusan kepada petani sedia ada dijalankan dengan lebih efisien untuk memberi mereka lebih motivasi dan berdaya saing.
ii. PERUSAHAAN DIUSAHAKAN SECARA SKALA KECIL	Hasil tanaman hanya untuk kegunaan sendiri dan jika dijual adalah dengan harga yang rendah dan tidak memberi pulangan yang baik.	Mewujudkan individu/syarikat/anchor bagi mengumpul tanaman petani berskala kecil bagi pemasaran secara besar-besaran.
iii. PERJALANAN PROJEK YANG TIDAK MENGIKUTI GARIS PANDUAN ASAL	Outcomes projek tidak tercapai	Pihak pengurusan projek dan bahagian Hortikultur Ibu Pejabat perlu menyelaraskan semula mekanisme pelaksanaan projek serta menetapkan sasaran yang realistik.
iv. KURANG PEMANTAUAN PROJEK YANG BERKESAN	Kualiti dan Kuantiti Hasil Terjejas	Pemantauan berkesan seperti pelaksanaan mekanisme di dalam projek TKPM contohnya peranan kumpulan pakar bagi melakukan pemantauan ke atas projek.

10. RUMUSAN

- Pihak pengurusan projek perlu melaksanakan strategi penambahbaikan yang disyorkan bagi memantapkan pelaksanaan projek khususnya dalam meningkatkan produktiviti dan pengeluaran Rambutan Deli yang berkualiti.
- Walaupun masih belum menampakkan kejayaan, projek ini wajar diteruskan kerana masih didalam peringkat pemulihan dusun dan projek seumpama ini selari dengan dasar agro makanan negara bagi menjamin bekalan makanan.
- Namun demikian, kajian/penilaian semula terhadap projek ini perlu dilaksanakan semula selepas 5 tahun pelaksanaan projek.

11. GAMBAR-GAMBAR PROJEK/PENILAIAN

Pendekatan Bisnes Model Di Dalam Pelaksanaan
Projek

PENGELUARAN HASIL



11. GAMBAR-GAMBAR PROJEK/PENILAIAN

Pendekatan Bisnes Model Di Dalam Pelaksanaan
Projek

PASCA TUAI

Masih belum dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana kuantiti hasil yang sedikit dan kualiti hasil yang belum mencapai standard yang ditetapkan

11. GAMBAR-GAMBAR PROJEK/PENILAIAN

Pendekatan Bisnes Model Di Dalam Pelaksanaan
Projek

PEMROSESAN

KERJA-KERJA
PEMROSESAN DI
KILANG KEDAH AGRO
SG PETANI



11. GAMBAR-GAMBAR PROJEK/PENILAIAN

Pendekatan Bisnes Model Di Dalam Pelaksanaan
Projek

PEMASARAN



DOMESTIK

11. GAMBAR-GAMBAR PROJEK/PENILAIAN



*TERIMA
KASIH*